



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN TERHADAP KECENDERUNGAN SURI RUMAH UNTUK MEMULAKAN PERNIAGAAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NU'MAN ZAFRI BIN NOR ZAIDI

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN TERHADAP KECENDERUNGAN SURI RUMAH UNTUK MEMULAKAN PERNIAGAAN

NU'MAN ZAFRI BIN NOR ZAIDI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN)

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengakui setiap karya dalam kajian ini hasil penulisan saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang telah saya jelaskan sumbernya.

TARIKH:



05-

Perpustakaan
Kampus Sulta

TANDATANGAN

NU'MAN ZAFRI BIN NOR ZAIDI

D20161074160



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Bersyukur ke atas Ilahi kerana dengan izinNya dapat saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Kurniaan nyawa, kesihatan dan masa yang diberikan membantu saya mengharungi segala dugaan dan cabaran dalam menyiapkan tugas ini. Tanpa keizinan dan kenikmatan yang diberikanNya ini nescaya tidaklah saya mampu menyelesaikan tugas ini.

Jutaan terima kasih juga saya tujukan kepada Dr. Siti Asma' Binti Mohd Rosdi @ Mohd Rodhi sebagai penyelia bagi Projek Tahun Akhir ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan kepada saya tanpa pernah mengenal erti putus asa sangat membantu saya. Ibu dan bapa saya juga merupakan tonggak utama yang tidak pernah putus mendoakan kejayaan saya sepanjang hidup saya tidak dapat saya balas. Kepada pensyarah-pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris juga jutaan terima kasih saya ucapkan atas tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang empat tahun saya di sini.

Akhir sekali, terima kasih tak terhingga kepada responden-responden dan juga rakan-rakan yang banyak membantu saya sepanjang kehidupan saya sebagai pelajar UPSI. Segala jasa kalian tidak dapat saya balas, hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu mebalas jasa kalian.





ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji pengaruh kemahiran keusahawanan terhadap kecenderungan suri rumah untuk memulakan perniagaan. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 89 orang. Kesemua responden yang dipilih adalah suri rumah yang berada di sekitar kawasan daerah Muallim. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu soal selidik. Analisis kajian ini menggunakan kaedah regresi linear mudah. Hasil kajian menunjukkan pengaruh kemahiran keusahawanan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan kecenderungan suri rumah untuk memulakan perniagaan. Kajian ini juga ingin membuktikan bahawa kemahiran keusahawanan dapat mempengaruhi keinginan seseorang untuk memulakan perniagaan. Oleh itu, beberapa cadangan telah diberikan kepada pihak yang terlibat bagi menggalakkan setiap orang khususnya suri rumah untuk memulakan perniagaan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRACT

This study aimed to examine the influence of entrepreneurship skills on the tendency of housewives to start a business. The respondents in this study were 89 people. All the respondents selected were housewives located in the Muallim district. This study uses a quantitative method which is questionnaire. This study was analyze using simple linear regression method. The results show that the influence of entrepreneurial skills has a positive and significant relationship with housewives' tendency to start a business. This study also wants to prove that entrepreneurship skills can influence a person's desire to start a business. Therefore, several suggestions have been given to the related party to encourage everyone especially housewives to start a business.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB 1	1
PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif	9
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Hipotesis Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Definisi Istilah	11





1.9 Struktur Kajian	13
1.10 Kesimpulan.....	13

BAB 2.....	14
------------	----

TINJAUAN LITERATUR.....	14
-------------------------	----

2.0 Pengenalan	14
----------------------	----

2.1 Usahawan dan Keusahawanan	15
-------------------------------------	----

2.2 Kecenderungan Memulakan Perniagaan	19
--	----

2.3 Teori Kajian.....	21
-----------------------	----

2.4 Kerangka Konseptual Kajian.....	24
-------------------------------------	----

2.5 Kesimpulan.....	25
---------------------	----



BAB 3.....	26
------------	----

METODOLOGI	26
------------------	----

3.0 Pengenalan	26
----------------------	----

3.1 Reka Bentuk Kajian.....	27
-----------------------------	----

3.2 Sampel Kajian	27
-------------------------	----

3.3 Lokasi Kajian.....	28
------------------------	----

3.4 Instrumen Kajian	28
----------------------------	----

3.5 Kajian Rintis	31
-------------------------	----

3.6 Prosedur Pengumpulan Data	34
-------------------------------------	----

3.7 Kaedah Analisis Data	36
--------------------------------	----

3.8 Kesimpulan.....	36
---------------------	----





BAB 4.....	37
DAPATAN KAJIAN	37
4.0 Pengenalan.....	37
4.1 Latar Belakang Responden.....	38
4.2 Analisis Kajian	41
4.3 Dapatan Analisis Regresi Mudah	44
4.4 Kesimpulan.....	46
BAB 5.....	47
RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	47
5.0 Pengenalan.....	47
5.1 Rumusan Kajian	48
5.2 Dapatan Kajian	48
5.3 Kesimpulan Dapatan	50
5.4 Limitasi dan Cadangan Kajian Lanjutan	51
5.5 Kesimpulan.....	52
RUJUKAN	53
LAMPIRAN A	58
LAMPIRAN B	66





SENARAI JADUAL

BIL	JADUAL	HALAMAN
1.1	Kajian Memulakan Perniagaan Konteks Akademik & Bukan Akademik	4
2.1	Teori Keusahawanan Mengikut Perspektif Ekonomi, Sosiologi dan Psikologi	19
3.1	Sumber Soal Selidik Bahagian B	30
3.2	Sumber Soal Selidik Bahagian C	31
3.3	Nilai Interpretasi <i>Crobach's Alpha</i>	33
3.4	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	34
4.1	Taburan Kekerapan Bangsa Responden	38
4.2	Taburan Kekerapan Tahap Pendidikan Responden	39
4.3	Taburan Kekerapan Umur Respoden	40
4.4	Taburan Kekerapan Pendapatan Isi Rumah Responden	41
4.5	Ujian Normaliti	43
4.6	<i>Model Summary</i>	44
4.7	<i>Anova</i>	45
4.8	<i>Coeficients</i>	46





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

BIL	RAJAH	HALAMAN
2.1	Teori Tingkah Laku	22
2.2	Kerangka Konspetual Kajian	24
3.1	Prosedur Pengumpulan Data	35



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	HALAMAN	
UTM	Universiti Teknologi Malaysia	2
PERDASAMA	Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia	3
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	10



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai perkara-perkara asas mengenai kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Perkara-perkara asas yang dibincangkan ialah latar belakang kajian pada sub topik 1.1, sub topik 1.2 pula adalah berkaitan pernyataan masalah. Sub topik 1.3 membincangkan mengenai objektif kajian yang telah ditetapkan, persoalan kajian pada sub topik 1.4 dan hipotesis kajian pada sub topik 1.5. Kepentingan kajian pula akan dibincangkan pada sub topik 1.6, pada sub topik 1.7 membincangkan skop kajian, definisi istilah pada sub topik 1.8 diikuti struktur kajian pada 1.9. Akhir sekali, kesimpulan pada sub topik 1.10.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.1 Latar Belakang Kajian

Keusahawanan merupakan satu aktiviti yang dijalankan secara sendirian atau berkumpulan sebagai satu kerjaya atau mempunyai matlamat lain yang ingin dicapai. Menurut Abdullah Azhar, Annum Javaid, Mohsin Rehman & Asma Hyder (2010) bidang keusahawanan adalah satu bidang yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Keusahawanan juga merujuk kepada satu bidang untuk mewujudkan ekonomi yang sihat antara para usahawan bagi mengeluarkan barang dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan masyarakat (Nafukho & Helen Muyia, 2010). Keusahawanan turut dianggap satu bidang yang berupaya melahirkan sumber tenaga manusia yang dapat memelihara kestabilan ekonomi, sosial dan politik negara.

Pada era kemodenan ini, bidang keusahawanan bukan lagi satu bidang yang boleh dipandang enteng oleh masyarakat. Hal ini demikian kerana, melalui bidang ini telah ramai golongan muda yang telah mengukir nama sebagai seorang usahawan yang berjaya. Perkara ini terbukti apabila semakin ramai graduan muncul sebagai ikon dan sumber inspirasi kepada usahawan muda yang ingin menceburi bidang perniagaan (Shafiq Abd Latif, 2017).

Walaubagaimanapun, bidang keusahawanan ini bukanlah satu bidang yang terhad hanya kepada satu golongan sahaja. Keusahawanan merupakan satu bidang yang luas dan boleh dipelopori oleh pelbagai pihak. Bagi mengukuhkan lagi pandangan ini, Kerajaan Malaysia telah merangka satu dasar melalui Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK9) untuk memartabatkan lagi bidang keusahawanan ini. Pihak kerajaan telah merancang untuk membudayakan keusahawanan dalam kalangan 1.5 juta rakyat bumiputera dengan memberi tumpuan kepada para golongan pelajar, belia, siswazah dan wanita.

Berdasarkan kajian lepas, terdapat kajian yang dijalankan terhadap graduan. Kajian tersebut ingin mengkaji faktor-faktor yang telah mendorong graduan UTM menceburi





bidang keusahawanan (Osman, 2007). Secara umumnya, faktor pendorong tersebut samada daripada faktor dalaman individu dan persekitaran (Khaairuddin, 1996). Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Edward (1991) pula mengenalpasti beberapa faktor utama yang telah mendorong seseorang individu menceburi bidang keusahawanan teknologi iaitu latar belakang keluarga, orientasi matlamat, personaliti dan motivasi.

Populasi masyarakat di Malaysia terdiri daripada 28,700,000 orang iaitu lelaki 14,526,400 (50.61%) dan wanita 14,197,100 (49.47%) (Jabatan Perangkaan Malaysia 2017). Penglibatan kaum wanita dalam aktiviti keusahawana di negara ini akan memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan ekonomi negara. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) pada tahun 2016, statistik menunjukkan bahawa 80% usahawan yang berdaftar adalah daripada golongan wanita. Memetik pernyataan Datin Junaidah Mohamed iaitu pengurus Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) menerusi Program Transformasi dan Globalisasi Industri Halal 2016, lebih 304 syarikat perniagaan yang telah didaftarkan adalah dimiliki oleh kaum wanita.

Perlulah kita sedari kepentingan keusahawanan dan aktiviti perniagaan. Aktiviti keusahawanan dapat meningkatkan taraf hidup individu dan masyarakat malah turut menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Namun, seseorang individu usahawan muncul bukan kerana memiliki ciri-ciri personaliti semulajadi atau dilahirkan, tetapi kerana pelbagai faktor lain dan boleh dilatih (Akmaliah 1998). Selain itu, menurut Hisrich (2000), kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh latar belakang pekerjaan ibu bapa seorang usahawan dan keluarga memainkan peranan dalam menggalakkan kredibiliti keusahawanan sebagai satu kerjaya. Perkara ini disokong oleh Nor Aishah (2002) yang mendapati wujudnya perkaitan yang agak kuat antara kerjaya keluarga dengan pemilihan kerjaya keusahawanan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji pengaruh kemahiran keusahawanan terhadap kecenderungan suri rumah untuk memulakan perniagaan.





1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan kajian lepas, terdapat beberapa faktor yang dikaji mengenai kecenderungan memulakan perniagaan contohnya, kecenderungan untuk menghadapi risiko (Fazilah,2003), dipengaruhi oleh faktor-faktor yang lain seperti kemahiran, pengaruh ahli keluarga dan pengalaman (Ab. Aziz, 2015) dan kecenderungan usahawan berkait dengan atribusi psikologi berikut iaitu kehendak pencapaian, lokus kawalan, kecenderungan mengambil risiko kesabaran dalam menghadapi ketidakpastian, keyakinan diri dan inovatif (Koh, 1996).

Kajian kecenderungan memulakan perniagaan telah banyak dijalankan dalam konteks akademik (*academic setting*) tetapi masih kurang dijalankan dalam konteks bukan akademik (*non-academic setting*) terutama pada golongan suri rumah. Jadual 1.1 dibawah menunjukkan jadual memulakan perniagaan konteks akademik dan bukan akademik:

Konteks Akademik	Konteks Bukan Akademik
Finland: (Autio et al., 2001; Zellweger, Sieger and Halter, 2011; Laspita, Breugst, Heblich, & Patzelt., 2012)	Finland: (Kibler, 2013)
Malaysia: (Tuan Muda, 2009; Mohd Zain et al., 2010; Abdul Kadir et al., 2012; Lope Pihie et al., 2013; Anuar, Mohd Nasir, Abdul Rahman and Sadek, 2013; Loon Koe, Juan Rizal, Abdul Majid, and Kamariah, 2012; Mohamed, Rezai, Shamsudin and Mahmud, 2012)	Malaysia: (Siti Asma', 2016)



**Austria:**

(Schwarz et al., 2009; Zellweger et al., 2011; Laspita et al., 2012)

USA:

(Durrant, 2014)

Australia:

(Kennedy, Drennan, Renfrow, Watson, 2003; Iakovleva et al., 2011;
Laspita et al., 2012)

India:

(Vissa, 2011)

Indonesia:

(Indarti et al., 2010; Kristiansen et al., 2003; Amsal, Kumar and
Ramalu, 2014; Laspita et al., 2012)

Iran:

(Zarafshani and Rajabi, 2011; Karimi, et al., 2013)

Croatia:

(Walker et al., 2013)

**Spain:**

(Linan and Chen, 2009; Linan, 2007; Davidsson, 1995; Linan et al.,
2005; Engle et al., 2010; Iakovleva et al., 2011; Linan, Urbano, &
Guerrero, M. (2011).)

Thailand:

(Autio et al., 2001; Indarti et al., 2010; Douglas, 2013)

Bangladesh:

(Engle et al., 2010)

USA:

(Krueger et al., 2000; Depilis and Reardon, 2007; Autio et al., 2001;
Brown et al, 2011)

Egypt:

(Engle et al., 2010)



**Netherlands:**

(Iakovleva et al., 2011; Lans, Gulikers, & Batterink, 2010)

China:

(Siu and Lo, 2011; Engle et al., 2010)

France:

(Engle et al., 2010; Iakovleva et al., 2011; Laspita et al., 2012)

Russia:

(Tkachev and Kolvereid, 1999; Engle et al., 2010; Iakovleva et al., 2011)

Norway:

(Tkachev and Kolvereid, 1999; Iakovleva et al., 2011; Zellweger et

**Sweden:**

(Autio et al., 2001)

Costa Rica:

(Engle et al., 2010)

Canada:

(Iakovleva et al., 2010)

Czech Republic:

(Iakovleva et al., 2011)

Pakistan:

(Ali et al., 2011; Qureshi, Ahmed & Khan, 2011)

Caribbean:

(Devonish et al., 2009)

Brazil:

(Iakovleva et al., 2011)



**Ukraine:**

(Iakovleva et al., 2011)

Tunisia:

(Dakoumi and Abdelwahed, 2014)

Mexico:

(Iakovleva et al., 2011; Laspita et al., 2012)

Belgium:

(Zellweger et al., 2011)

Germany:

(Zellweger et al., 2011; Laspita et al., 2012)

Hungary:

(Zellweger et al., 2011; Laspita et al., 2012)



(Zellweger et al., 2011; Laspita et al., 2012)

Switzerland:

(Zellweger et al., 2011; Laspita et al., 2012)

Ireland:

(Laspita et al., 2012)

Republic of South Africa

(Laspita et al., 2012)

Singapore:

(Laspita et al., 2012)

Greece:

(Laspita et al., 2012)



**Portugal:**

(Laspita et al., 2012)

Ghana:

(Engle et al., 2010)

Sumber: Siti Asma (2016)

Jadual 1.1: Kajian Memulakan Perniagaan Konteks Akademik/Bukan Akademik

Kajian ini juga dijalankan di kawasan luar bandar. Berdasarkan laporan statistik yang dikeluarkan oleh Rancangan Malaysia Kelapan (RM8) peratus golongan miskin di negara ini terutamanya yang tinggal di luar bandar ialah di antara 11% hingga 13% (Malaysia 2011). Bagi mencapai hasrat kerajaan mencapai kemiskinan sifar 2020, pelbagai program dan perancangan dijalankan bagi membasmi kemiskinan. Namun, fenomena dan jumlah masyarakat miskin masih lagi wujud, malah ada di antara masalah tersebut menjadi semakin serius terutamanya di era globalisasi ini (Chamhuri, 2005)

Menurut Azlizan Talib (2012), kebanyakkan penduduk luar bandar mempunyai peluang perniagaan. Namun, banyak halangan yang dihadapi oleh penduduk luar bandar untuk memulakan perniagaan. Antara halangan yang dihadapi ialah kurang pendidikan er�aitan perniagaan kerana mereka kurang mendapat pendedahan berkaitan perniagaan. Selain itu, penduduk luar bandar juga mempunyai masalah dalam hal teknologi terkini. Kekurangan pengalaman juga menjadi halangan utama kepada penduduk luar bandar untuk memulakan perniagaan kerana mereka tidak pernah didedahkan dengan cara-cara bermiaga dengan betul. Kemahiran yang cetek juga menyebabkan penduduk luar bandar tidak menjalankan perniagaan. Mereka masih berasa takut untuk menjalankan perniagaan kerana tidak mahir dalam bidang perniagaan.





1.3 Objektif

1. Menentukan pengaruh faktor kemahiran keusahawanan ke atas kecenderungan memulakan perniagaan dalam kalangan suri rumah.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah hubungan antara faktor kemahiran keusahawanan dengan kecenderungan suri rumah untuk memulakan perniagaan?

1.5 Hipotesis Kajian

Bab ini menggariskan proses ujian yang digunakan untuk menilai hipotesis penyelidikan.



Hipotesis ini diuji dengan kaedah analisis secara kuantitatif, iaitu:



H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kemahiran keusahawanan dengan kecenderungan suri rumah untuk memulakan perniagaan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tentang pengaruh kemahiran keusahawanan terhadap kecenderungan suri rumah untuk memulakan perniagaan. Tujuan kajian ini dijalankan bagi mengkaji sejauh mana kemahiran keusahawanan yang dimiliki oleh suri rumah mempengaruhi mereka untuk memulakan perniagaan. Antara dimensi yang diukur bagi kemahiran keusahawanan dalam kajian ini ialah kemahiran mengenalpati peluang pekerjaan, kemahiran berkomunikasi dan memberi arahan, kemahiran menguruskan kewangan dengan bijak, kemahiran membuat keputusan dalam perniagaan dan kemahiran membuat perancangan dengan teliti.





Kira-kira separuh daripada penduduk negara ini terdiri daripada kaum wanita. Sumbangan kaum wanita samada sebagai isteri, ibu, suri rumah serta pekerja yang mempunyai gaji di dalam pembangunan bangsa dan negara adalah sangat penting. Kaum wanita juga bukan sahaja memainkan peranan utama di dalam pembentukan generasi akan datang malah merupakan aset ekonomi yang penting kepada negara. Kaum wanita juga perlu diberikan peluang dalam bidang keusahawanan khususnya suri rumah bagi meningkatkan pendapatan isi rumah sekali gus dapat membasmi kemiskinan di negara ini. Secara tidak langsung, ekonomi negara dapat diperkuatkan dan ditingkatkan.

Kajian ini juga penting kepada pihak-pihak berkepentingan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk menjalankan program-program yang berkaitan keusahawanan untuk kaum wanita. Hal ini kerana, program-program keusahawanan yang berkaitan kaum wanita khususnya suri rumah ini sekiranya dijalankan secara giat, sudah pasti dapat menarik minat mereka untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Suri rumah juga tidak mustahil boleh menjadi seorang usahawan yang berjaya sekiranya diberikan peluang perniagaan. Oleh itu, wajarlah kaum wanita khususnya suri rumah diberikan pendedahan dan peluang kepada mereka untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan.

1.7 Skop Kajian

Perbincangan berkaitan dengan pengaruh kemahiran keusahawanan terhadap kecenderungan suri rumah untuk memulakan perniagaan bagi mengkaji elemen kemahiran keusahawanan dalam mempengaruhi kecenderungan suri rumah untuk memulakan perniagaan. Bagi fokus kajian ini, penyelidik menumpukan kepada suri rumah yang berada dalam daerah Muallim iaitu dalam mukim Hulu Bernam Timur, mukim Hulu Bernam Barat dan mukim Slim. Penyelidik menggunakan kaedah soal selidik dan kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dan dijadikan sebagai batasan kajian dalam





menjalankan penyelidikan ini. Maklumat yang diperoleh akan dianalisis dan dikaji secara terperinci serta akan dibincangkan pada bab seterusnya. Dapatan kajian juga akan dihasilkan berdasarkan maklumat yang diperoleh dari responden atas segala data yang benar dan ikhlas dalam membantu penyelidik untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Kemahiran

Kemahiran dedefinsikan sebagai kecekapan dan kepandaian seseorang dalam bidang tertentu. Kemahiran merupakan asas penting kepada segala aktiviti pekerjaan yang ingin dilakukan. Usahawan perlu mempunyai tahap kemahiran yang tinggi bagi memastikan perjalanan syarikat berjalan dengan lancar. kemahiran yang ada turut berperanan menjadikan seseorang usahawan itu berfikiran positif dalam sesuatu usaha perniagaan yang dijalankan (Mohamed, 1996).

1.8.2 Keusahawanan

Menurut Joseph Schumpeter pula mempercayai bahawa keusahawanan ialah mengenai inovasi dan agen perubahan. Beliau mempercayai ‘creative destruction’, iaitu satu keadaan perusahaan baharu atau perusahaan yang berkaitan secara efektifnya mengurangkan risiko produk, perkhidmatan dan model perniagaan semasa, daripada menjadi tidak diterima pasaran melalui inovasi (Martin & Osberg, 2007, p. 31).





1.8.3 Kemahiran Keusahawanan

Menurut Norasmah (2003) kemahiran keusahawanan adalah merupakan antara kemahiran penting dalam kemahiran-kemahiran insaniah (soft skills) yang harus dimiliki oleh pelajar-pelajar sama ada dari peringkat pengajian rendah atau peringkat pengajian tinggi. Melalui bidang keusahawanan negara berupaya melahirkan sumber tenaga manusia yang dapat memelihara kestabilan ekonomi, sosial dan politik negara.

1.8.4 Kecenderungan Memulakan Perniagaan

Menurut Hisrich (2008) di dalam Idris (2009) kecenderungan keusahawanan adalah faktor yang memotivasi seseorang bagi meneruskan sesuatu hasil keusahawanan.

1.8.5 Suri Rumah



Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) suri membawa maksud teladan contoh yang baik, manakala rumah bermaksud isteri atau ahli keluarga yang tinggal di rumah. Berdasarkan maksud yang diperolehi, yang ditetapkan dalam bagi suri rumah merupakan perempuan yang telah mendirikan rumah tangga. Bagi kajian ini, suri rumah yang dipilih adalah suri rumah yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Seseorang suri rumah yang mempunyai perniagaan namun tidak mendaftar dengan Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM) juga boleh dijadikan responden untuk kajian ini. Skop ini telah ditetapkan kepada responden bagi kajian ini.





1.9 Struktur Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama dalam kajian ini membincangkan tentang isu yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu pengaruh kemahiran keusahawanan. Seterusnya, dalam bab kedua pula penyelidik akan menerangkan mengenai definisi istilah mengenai pengaruh kemahiran keusahawanan terhadap kecenderungan suri rumah untuk memulakan perniagaan. Dalam bab kedua juga akan menyatakan teori yang berkaitan dengan pengaruh kemahiran keusahawanan. Bab ketiga pula akan menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapat maklumat dan data daripada responden secara rawak termasuk reka bentuk kajian, sampel kajian, ujian rintis dan pengumpulan data. Bab seterusnya adalah bab empat. Dalam bab ini penyelidik mentafsirkan hasil dapatan kajian mengikut pengajian hipotesis yang dijalankan ke atas responden. Bab terakhir adalah bab lima. Bab lima akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian, kesimpulan kajian dan menyediakan cadangan-cadangan kepada penyelidik masa hadapan.

1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini telah menerangkan elemen-elemen penting secara ringkas dan merupakan kerangka yang digunakan dalam kajian penyelidikan yang dijalankan ini. Bab ini melibatkan bahagian-bahagian yang perlu diberi keutamaan dengan menggambarkan idea keseluruhan secara umum. Penyelidik berharap penyelidikan ini dapat memberi sumbangan dari segi ilmu pengetahuan kepada para pembaca bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia khususnya kepada suri rumah untuk memberikan diri bagi menceburi bidang kausahawanan. Penyelidikan ini juga merupakan garis panduan bagi suri rumah yang berkeinginan menceburkan diri dalam bidang kausahawanan. Pada bab seterusnya, perbincangan dan penjelasan secara kritis mengenai kajian-kajian lepas akan dibicarakan dan perbincangan mengenai pembentukan kerangka kerja penyelidik.

